

SOALAN NO: 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN
MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 24 MAC 2014

SOALAN :

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan unit pemantau bagi memastikan maklumat kerahsiaan jabatan/negara dikawal selia dan apakah tindakan terhadap kakitangan Kerajaan jika melanggar akta kerahsiaan tersebut.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Pemantauan bagi memastikan maklumat kerahsiaan dikawal selia sentiasa menjadi agenda utama. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKK) , Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat mempertingkatkan Sistem Keselamatan Perlindungan di semua Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun diperingkat Persekutuan dan Negeri. Pejabat KPKK telah menjalankan Inspektorat Keselamatan Perlindungan termasuk Inspektorat mengejut bagi memantau dan mengenalpasti kelemahan-kelemahan serta memberikan khidmat nasihat meliputi aspek keselamatan fizikal, dokumen dan maklumat, keselamatan peribadi serta keselamatan perlindungan persekitaran ICT untuk mengelakkan sebarang pelanggaran keselamatan yang mengakibatkan kebocoran rahsia rasmi kerajaan.

Selain itu, di setiap Jabatan dan Agensi kerajaan telah ditetapkan untuk melantik *Departmental Security Officer (DSO)*, *Chief Information Officer (CIO)*, *Information And Communication Technology Security Officer (ICTSO)* untuk sama-sama bertanggungjawab memantau bagi memastikan maklumat kerahsiaan jabatan/Negara sentiasa diberikan kawalan.

Mana-mana penjawat awam atau mana-mana pihak yang terlibat urusan rasmi dan rahsia rasmi kerajaan yang cuai, lalai atau di dalam semua perbuatan mengakibatkan pelanggaran keselamatan yang membahayakan perkara rasmi dan rahsia rasmi dan melanggar peruntukan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan Tahun 1972, pendakwaan di bawah Akta Rahsia Rasmi Tahun 1972 atau tindakan tatatertib boleh diambil terhadap mereka.

Sekian. Terima kasih.